



AHMAD Zaini (dua dari kanan) bersama Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi, Prof Madya Dr Fatimah Sidi (tiga dari kanan) dan Dr M Iqbal (kanan) dan Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UPM, Prof Dr Abu Bakar Md Sultan (tiga dari kiri).

Pupuk etika ICT

■ Galak pelayar Internet guna secara berhemah

Syalikha Sazili
cnews@nstp.com.my

Serdang

Kesedaran mengenai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara berhemah perlu diberi perhatian dalam dunia siber yang tiada sempadan.

Timbalan Naib Cancellor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr M Iqbal Saripan berkata, peng-

guna Internet perlu mempunyai etika supaya tidak membawa kesan negatif terhadap penggunaannya.

“Etika ICT perlu ditekan-kan. Sekarang kita lihat penggunaanya cukup berani mengkritik, walhal di luar orangnya tampak sopan.

“Ini memberi konotasi berbeza. Justeru, gunakan Internet dengan berhemah,” katanya ketika berucap pada majlis Pelancaran Kelab Rakan IDEC @Putra Bakti UPM, Jom Gegaria ICT UPM 2018, di sini, semalam.

Jom Gegaria ICT UPM ini

turut mendapat kerjasama syarikat Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP).

Turut hadir, Pengarang Eksekutif BH Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) Prof Madya Dr Fatimah Sidi.

Ahmad Zaini berkata, penyebaran maklumat perlu seiring peredaran semasa justeru, pengguna perlu bijak mencari maklumat.

“Pengguna perlu bijak mencari maklumat menerusi ICT, tetapi rujukan terhadap media rasmi seperti surat khabar contohnya NSTP masih perlu diutamakan.

“Kita memasuki revolusi 4.0 bagi memenuhi pasaran dan media sedia bekerjasama untuk membantu penyebaran maklumat menerusi pelbagai kaedah,” katanya.

Sementara itu, Jom Gegaria ICT yang berlangsung tiga hari bermula semalam di UPM turut menempatkan 80 gerai jualan dengan pelbagai aktiviti pengisian ilmu ICT.